

PENGUMUMAN

LANGKAH-LANGKAH MENANGANI PENULARAN WABAK COVID-19

1. Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) sentiasa mengambil perhatian yang serius dan memantau perkembangan penularan wabak Covid-19 berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Badan Pertubuhan Kesihatan Dunia (*World Health Organization*, WHO) dari semasa ke semasa dan saranan oleh Ketua Setiausaha Negara melalui surat bertarikh 13 Mac 2020.

Pengendalian Pengajaran Dan Pembelajaran Di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT)

2. MQA menyarankan PPT untuk mempertimbangkan pengubahsuaian dan penggantian sementara aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka kepada pelbagai bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian, *virtual* atau lain-lain kaedah bersesuaian. Langkah ini adalah bagi meminimumkan interaksi fizikal dan dalam waktu yang sama meminimumkan gangguan kepada pembelajaran pelajar.
3. Pengubahsuaian dan penggantian boleh melibatkan aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penilaian pelajar (termasuk peperiksaan) yang disokong dengan sistem dan prasarana yang bersesuaian bagi memastikan proses pembelajaran pelajar berlaku dengan lancar dan berkesan. Pelaksanaan ini juga boleh melibatkan pelajar antarabangsa yang berada di negara asal dan tidak dapat kembali ke kampus atas sebab halangan perjalanan oleh pihak berkuasa.
4. PPT perlu memberi penerangan dan penjelasan yang secukupnya kepada pelajar dan pihak terlibat dalam melaksanakan perubahan ini. PPT juga dinasihatkan untuk membuat pemantauan kualiti keberkesanan penyampaian dan membuat pembetulan atau penambahbaikan yang perlu apabila keadaan telah pulih seperti sebelum penularan wabak kelak.

Pelaksanaan urusan penilaian program dan perkhidmatan MQA

5. MQA menggalakkan untuk semua permohonan akreditasi sementara, penuh dan pematuhan serta lain-lain urusan kaunter dapat dilaksanakan melalui perkhidmatan pos, secara e-mel atau *cloud*. Panduan dan penerangan lanjut mengenainya akan diberikan melalui pemakluman khusus bagi setiap proses dan urusan berkenaan.
6. MQA juga akan menangguhkan lawatan penilaian secara fizikal bermula 17 Mac 2020 sehingga 30 April 2020. MQA sedang meneliti dan mempertimbangkan pelaksanaan lawatan penilaian secara atas talian, *virtual* atau lain-lain kaedah bersesuaian. Bagi lawatan yang telah dijadualkan dalam tempoh tersebut, MQA akan menghubungi PPT yang terlibat bagi tujuan penyelarasan. Dalam hal ini, MQA amat menghargai maklum balas daripada PPT mengenai kesediaan pelaksanaan alternatif ini.
7. MQA telah mula melaksanakan langkah-langkah pencegahan lain yang turut melibatkan penangguhan pelaksanaan program Hari Mesra Pelanggan (HMP), saringan awal kesihatan dan rekod perjalanan kepada semua pengunjung di pintu masuk bangunan serta penyediaan *hand sanitizer* di ruang-ruang tertentu di Mercu MQA.
8. Adalah diharapkan pemakluman ini mendapat perhatian yang sewajarnya oleh pihak PPT dalam membantu pihak berkuasa untuk menghadapi penularan wabak COVID-19.